

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN
WANG PERUNTUKAN SEMENTARA (WPS)
(Pindaan Kepada SP JPS Bil. 3/2005)**

1.0 Pengertian Wang Peruntukan Sementara (WPS)

Wang Peruntukan Sementara (WPS) bererti sejumlah wang yang diperuntukkan bagi kerja, bekalan barang-barang/bahan atau perkhidmatan yang sama sekali tidak boleh diramal, ditetapkan atau dihuraikan semasa dokumen tender disediakan.

2.0 Carta Aliran

Prosedur bagi pelaksanaan WPS adalah seperti Carta Aliran di **Lampiran I**

3.0 Penyediaan Anggaran dan Peruntukan WPS Di dalam Dokumen Tender.

Bagi memastikan jumlah WPS yang diperuntukkan di dalam dokumen tender adalah munasabah dan setepat mungkin, anggaran bagi WPS hendaklah disediakan oleh pegawai-pegawai yang berpengalaman dan terlibat secara langsung dengan item WPS berkenaan.

4.0 Perancangan Kerja

PP/Wakil PP hendaklah membuat perancangan awal dengan mengambilkira Jadual Pelaksanaan Kerja Kontraktor Utama bagi memastikan pelaksanaan peraturan WPS ini tidak menjejaskan kemajuan kerja keseluruhannya.

5.0 Penyediaan Anggaran Kos Kerja Yang Akan Dilaksanakan

Pejabat yang melaksanakan projek, dengan bantuan pegawai yang mempunyai pengetahuan/kepakaran yang berkaitan dengan item WPS berkenaan, hendaklah menyediakan anggaran kos bagi item yang akan dilaksanakan sebelum meneruskan pelaksanaannya.

6.0 Kelulusan Untuk Melaksanakan WPS

- 6.1 Berdasarkan anggaran kos yang disediakan, sekiranya nilai kerja tidak melebihi 30% daripada nilai peruntukan di dalam Kontrak, Pengarah Negeri atau Jurutera Projek boleh terus melaksanakan kerja WPS mengikut kaedah pelaksanaan seperti dijelaskan di para 8.0.
- 6.2 Sekiranya nilai kerja yang akan dilaksanakan melebihi 30% daripada peruntukan di dalam Kontrak, kelulusan hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada pihak-pihak berikut:-

Bil.	Peratus (%) Perbezaan Berbanding Dengan Peruntukan Di dalam Kontrak	Pihak Berkuasa
1.	Melebihi 30% sehingga 50%	Pengarah Bahagian
2.	Melebihi 50%	Ketua Pengarah / Timbalan Ketua Pengarah

- 6.3 Permohonan untuk kelulusan hendaklah menggunakan **Borang E** seperti dilampirkan.

7.0 Takrif Kerja (Termasuk Bekalan dan Perkhidmatan)

7.1. Kategori Biasa

Kategori biasa adalah kerja-kerja yang mana kebanyakan item kerja dan kadar harganya terdapat di dalam Kontrak atau tidak sukar ditentukan dan ianya boleh dilaksanakan oleh Kontraktor sendiri.

7.2 Kategori `Pakar`

- a) Kategori `pakar` adalah kerja, bekalan atau perkhidmatan yang melibatkan kepakaran dan kelayakan khusus yang perlu dilaksanakan samada oleh Kontraktor Utama (jika layak) atau pihak ketiga;

atau

- b) Kerja, bekalan atau perkhidmatan yang mana kebanyakan kadar harga tidak terdapat di dalam Kontrak dan sukar ditentukan atau dirunding dengan Kontraktor.

8.0 Kaedah Pelaksanaan

Kaedah pelaksanaan WPS adalah berdasarkan kategori kerja seperti di para 7.0.

8.1 Kategori Biasa

8.1.1 P.P boleh menentukan atau mengeluarkan arahan kepada Kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja berkenaan.

8.1.2 Harga bagi melaksanakan kerja tersebut hendaklah mengikut peraturan biasa yang berasaskan kadar harga Kontrak dan, jika tiada, kadar harga yang saksama. Tiada kos pengurusan, keuntungan dan layanan (attendance) perlu diperuntukkan bagi kategori ini.

8.2 Kategori `Pakar`

8.2.1 Tatacara perolehan adalah seperti berikut:

- i) Kontrak berdasarkan JKR 203/203A
- seperti **Lampiran II**
- ii) Kontrak secara `Design and Build` (PWD DB/T)
- seperti **Lampiran IIA**

8.2.2 Item bagi `kos pengurusan, keuntungan dan layanan` hendaklah diperuntukkan untuk dihargaikan oleh Kontraktor semasa tender (hanya terpakai untuk tender terbuka/terhad sahaja). Kos pengurusan, keuntungan dan layanan ini akan dibayar kepada Kontraktor Utama sekiranya kerja dilaksanakan oleh pihak ketiga. Walau bagaimanapun, Kontraktor Utama boleh mengambil bahagian di dalam Sebutharga/Tender yang dipelawa sekiranya mempunyai kelayakan yang bersesuaian dan jika terpilih, harga tawarannya hendaklah disifatkan sebagai termasuk kos pengurusan, keuntungan dan layanan dan Kontraktor Utama tidak berhak dibayar kos tersebut.

8.3 Kerja Yang Tidak Memerlukan Penglibatan Kontraktor Utama

P.P boleh mempelawa tawaran terus daripada Sub-Kontraktor/ Pembekal/Pengkhidmat yang bersesuaian dan berkelayakan bagi kerja/bekalan/perkhidmatan di bawah item WPS yang tidak memerlukan penglibatan Kontraktor Utama. Prosedur untuk mendapatkan kelulusan harga adalah sama seperti yang dinyatakan di para 9.0. Bayaran terus boleh dibuat kepada Sub-Kontraktor/ Pembekal/Pengkhidmat berkenaan dengan menggunakan Inden atau Pesanan Tempatan.

8.4 Contoh butiran WPS yang diperuntukkan dalam Dokumen Tender/Senarai Kuantiti adalah seperti di **Lampiran III**

9.0 Jawatankuasa Yang Meluluskan Harga

Setelah tindakan diambil berdasarkan Lampiran II atau IIA, harga yang diperakukan hendaklah mendapat kelulusan pihak-pihak yang berkenaan terlebih dahulu dengan menggunakan **Borang F** sebelum mana-mana Sub-Kontraktor dilantik. Jawatankuasa yang meluluskan harga bagi **setiap** item WPS adalah seperti berikut :

Bil.	Nilai Perolehan	Pihak Yang Meluluskan
1.	Tidak melebihi RM500,000	Jawatankuasa APK Peringkat Pengarah Negeri/Jurutera Projek
2.	Melebihi RM500,000 – RM1.5 juta	Jawatankuasa APK Peringkat Pengarah Bahagian
3.	Melebihi RM1.5 juta – RM 3 juta	Jawatankuasa APK Peringkat Timbalan Ketua Pengarah
4.	Melebihi RM3 juta	Jawatankuasa APK Peringkat Ketua Pengarah

10.0 Kaedah Bayaran

- 10.1 Bagi kerja WPS yang dipanggil secara Sebutharga, bayaran terus boleh dibuat kepada Sub-Kontraktor melalui Suratikatan Penyerahanhak Faedah daripada Kontraktor Utama kepada Sub-Kontraktor berkenaan. Sesalinan format Suratikatan Penyerahanhak Faedah hendaklah dihantar kepada Kontraktor Utama semasa mengarahkannya untuk melantik Sub-Kontraktor. Kaedah ini hanya boleh dilaksanakan sekiranya tiada pertindihan amaun yang diserahkan di bawah Kontrak Utama.
- 10.2 Bagi kerja WPS di bawah Kontrak 'Design and Build', Kontraktor Utama boleh memilih untuk bayaran dibuat terus kepada Sub-Kontraktor melalui Suratikatan Penyerahanhak Faedah dengan syarat tiada pertindihan amaun yang diserahkan di bawah Kontrak Utama.
- 10.3 Bagi kerja WPS yang dipanggil secara tender menggunakan Borang JKR 203N, bayaran terus hendaklah disediakan sebagaimana peraturan biasa bagi Sub-Kontraktor Dinamakan.